

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 31 JANUARI 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Child safety helmet initiative	New Straits Times
2.	Agensi kerajaan main peranan	Berita Harian
3.	Thunderstorms to continue	The Sun
4.	'Acara' tahunan Kelantan	Harian Metro

Share news on events or programmes at your school together with high resolution photos and captions to: schooltimes@nst.com.my



Pupils from SK Sekamat wearing the safety helmets provided under the Safe Kids Malaysia, UPM initiative.

CAMPAIGN

Child safety helmet initiative



Dr Kulanthayan KC Mani from UPM (right) looking on as a pupil of SJK Yu Hua, Kajang wears the safety helmet provided under the Safe Kids Malaysia UPM initiative. Also present is the JKJIR Safety Officer from Putrajaya, Shreecharan Singh.

DEATHS from road crashes continue to rise at an alarming rate in Malaysia, with a majority involving motorcycle users and pillion riders. With that in mind, Universiti Putra Malaysia (UPM), in collaboration with the Road Safety Department of Malaysia (JKJR) decided to organise the Safe Kids Malaysia campaign aimed at creating awareness among parents and students on the importance of wearing a SIRIM (Scientific and Industrial Research Institute of Malaysia) approved safety helmet.

According to a survey undertaken by Dr Kulanthayan KC Mani from UPM, only 3 per cent of pillion riders wearing proper safety helmets are made up of school-going children. A motorcycle safety helmet has the potential to decrease risk and severity of injuries by about 72 per cent and decreases the likelihood of deaths by up to 39 per cent.

Through the Safe Kids Malaysia UPM initiative, complimentary SIRIM ap-

proved child safety helmets were provided to students in selected schools in Selangor who commute by motorcycle with their parents. Funding for the hel-

met is obtained from Safe Kids Worldwide and the Halliburton Charitable Foundation, from the USA.

Safe Kids Malaysia UPM is a mem-

ber of National Road Safety Council of Malaysia (MKJR) and Global Alliance of NGOs on Road Safety. Its goal is to reach out to more children through primary schools nationwide in the next two to three years.

The initiative by Safe Kids Malaysia UPM and JKJR Malaysia is in line to reach the targets of the Sustainable Development Goal (SDG) 3.6 by the United Nations to halve road deaths and injuries by 2020 and SDG 11.2 to improve road safety among vulnerable road users focusing on children by 2030.

Road Safety Department of Selangor (JKJR) director, Mohammad Fakhri Mansor said: "This is a good programme as it targets road users from young. We hope to build a safety culture among children itself so that it will become a routine for them to use a safety helmet every time they are on a motorcycle, whether it is a short or long distance."

To date, the campaign has been carried out at eight selected schools in Selangor — namely SJK (T) Ampang, SJK (C) Yu Hua, SJK (T) Bangi, SJK (T) Rinching, SK Ampang Campuran, SJK (T) West Country Timur, SK Seri Sekamat and SJK (T) Kajang.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (VARIASI) : MUKA SURAT B17
TARIKH : 31 JANUARI 2017 (SELASA)

Agensi kerajaan main peranan

Juhaidah berkata, perkembangan animasi di Malaysia juga banyak dibantu agensi kerajaan seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) yang membantu produksi dalam pembangunannya, dari peringkat paling bawah sehinggalah kepada menyertai pasaran.

"Tidak seperti syarikat penerbitan di kebanyakan negara luar lain yang terpaksa bergerak sendiri dalam mencari modal dan pasaran, menerusi MDEC, banyak bantuan dihulurkan termasuk penyediaan beberapa program, malah geran dana turut disediakan. Selain itu juga, ada infrastruktur disediakan di bawah perbadanan itu yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh produksi.

"Bahkan pada setiap tahun, kami dibawa untuk menerokai pasaran antarabangsa dengan menyertai pameran di luar negara. Walaupun terpaksa bersaing dengan produksi antarabangsa lain, kami boleh berbangga apabila mendapat perhatian dan berjaya meyakinkan syarikat pempamer untuk menjalinkan kerjasama.

"Selain itu, kewujudan Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) turut membantu dalam memberikan dana kepada produksi untuk memulakan proses penerbitan," katanya.

Hiburan bermanfaat

Sementara itu, dalam menerbitkan siri animasi yang memfokuskan kepada golongan kanak-kanak di bawah umur tujuh tahun, Juhaidah mengakui

ia memberi cabaran besar buat mereka.

Katanya, mereka harus berusaha memastikan penonton mendapat manfaat dan moral daripada program TV yang diterbitkan.

"Siri animasi yang memfokuskan kepada golongan kanak-kanak ini bukan sekadar untuk mereka berhibur, tetapi pada masa yang sama membentuk kemahiran sosial bagi penontonnya.

"Jadi kami sangat teliti dalam setiap kandungan yang dihasilkan agar mesej disampaikan menerusi siri animasi itu sampai kepada golongan sasaran," katanya.

Pengiktirafan tertinggi

Di samping itu, Juhaidah juga boleh berbangga apabila siri animasi terbitan Giggie Garage, *Origanimals*, menerima pengiktirafan antarabangsa sebagai Program Animasi 3D Terbaik pada Anugerah Televisyen Asia ke-21.

"Saya berasakan ia kejayaan tertinggi yang kami pernah miliki. Malah, ia membuatkan kami rasa segala kerja keras oleh pasukan produksi bagi menghasilkan siri ini sejak dua tahun yang lalu amat berbaloi.

"Ia turut membuatkan kami lebih semangat untuk terus menghasilkan siri animasi yang lebih berkualiti. Selain itu saya berharap ia dapat membuka mata pihak luar terhadap animasi yang dihasilkan oleh syarikat produksi dari Malaysia," katanya.



KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDER) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 31 JANUARI 2017 (SELASA)


**THUNDERSTORMS
TO CONTINUE**

PETALING JAYA: Thunderstorms over the waters off Sarawak and Labuan are expected to continue until today, the Meteorological Department warned. The conditions may cause strong winds of up to 50kmph and rough seas with waves as high as 3.5m and deemed dangerous to small boats, it said. Major towns and cities such as Kuala Lumpur are expected to experience thunderstorms in the afternoon throughout the week, with temperatures ranging between 24 and 33 degrees Celsius.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 31 JANUARI 2017 (SELASA)



PROJEK PENCEGAHAN BANJIR DI KELANTAN



Kuala Lumpur

Setiap tahun apabila tibanya musim Monsun Timur Laut, Kelantan adalah negeri di kawasan pantai timur yang paling terjejas akibat

banjir. Ia bagaikan acara tahunan bagi penduduk negeri berkenaan namun bencana penghujung tahun 2014 lalu benar-benar membuka mata banyak pihak untuk segera mencari jalan penyelesaian.

Banjir 2014 itu turut dikenali 'bah kuning' oleh penduduk tempatan malah dianggap bencana terbesar sejak 1967.

Bencana itu menyebabkan lebih 151,000 penduduk di luar daerah iaitu Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Kuala Krai, Gua Musang, Machang, Tanah Merah dan Pasir Puteh terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara dengan kerosakan harta benda

keseluruhan lebih RM100 juta.

Namun, apabila berbicara mengenai isu banjir di Kelantan, ada dua isu utama yang boleh dikaitkan dengan fenomena tahunan ini.


Pertama, kedudukan topografi Kelantan yang berselirat dengan sungai-sungai yang menjadi sumber air utama.

Kedua, perubahan iklim serta cuaca yang menyebabkan hujan lebat.

Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, Dr Wan Nik Wan Yusoff berkata, negeri Cik Siti Wan Kembang itu mempunyai sebatang sungai utama iaitu Sungai Kelantan sepanjang 248 kilometer (km) yang dianggap tulang belakang kepada sumber air negeri.

Beliau berkata, Sungai Kelantan bersumberkan air dari dua cabang sungai utama iaitu Sungai Galas (178 km) dari arah barat dan Sungai Lebir (91 km) dari arah selatan.

"Sungai Galas pula mendapat sumber air dari sebelah baratnya (bersempadan dengan Perak) iaitu dari Sungai Terang dan Sungai Balah mengalir



'ACARA' TAHUNAN KELANTAN

■ Bencana penghujung 2014 buka mata banyak pihak cari jalan penyelesaian

memasuki alur Sungai Pergau hingga melalui Dabong sebelum memasuki aliran Sungai Galas dan memasuki alur utama Sungai Kelantan.

Dari arah barat daya (sempadan Pahang) pula ada dua sungai utama iaitu Sungai Berok mengalir memasuki Sungai Betis kemudian mengalir ke Sungai Galas manakala dari arah tenggara, Sungai Galas turut bersambung dengan Sungai Chiku.

"Sebelum memasuki

Sungai Kelantan, Sungai Galas melalui Jeli dan Gua Musang. Begitu pula Sungai Lebir mengalir melalui kawasan hutan simpan dan pembangunan tanah Aring dan penempatan Laloh serta perkampungan Manik Urai.

"Kemudian, dua cabang sungai utama ini (Sungai Galas dan Sungai Lebir) bertemu di Kuala Krai dan memasuki Sungai Kelantan sebelum mengalir ke hilir melalui Machang, Tanah Merah, Pulau Chondong,

Ketereh, Pasir Mas, Kota Bharu dan Tumpat sebelum keluar ke Laut China Selatan.

"Semua kawasan lembah sepanjang aliran sungai-sungai ini terdedah kepada kejadian banjir," katanya.

Menurutnya, di bahagian utara Kelantan bersempadan dengan Thailand (Jeli, Rantau Panjang dan Pasir Mas) tiada sungai yang utama, melainkan Sungai Golok yang menjadi sempadan Thailand.



"Semua kawasan lembah sepanjang aliran sungai terdedah banjir"
Dr Wan Nik

SAMBUNGAN...

HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 19

TARIKH : 31 JANUARI 2017 (SELASA)



PEMANDANGAN dari udara melalui Helikopter PDRM menunjukkan bandar Kuala Krai ketika kejadian banjir kuning pada 2014



SEKUMPULAN kanak-kanak mendayung sampan di Kampung Pasar Lama.



JAMBATAN sementara di Kampung Pulau Setek yang menghubungkan Gua Musang ke Jeli ditutup.



PENDUDUK di sekitar tepi Sungai Golok bersempadan Malaysia-Thailand menjalankan aktiviti seperti biasa di Pengkalan Che Kassin.



PENDUDUK di kawasan Kampung Tembesu Limbat menggunakan tongki air memindahkan barangan mereka.

"Punca air Sungai Golok ialah di daerah berbukit di Waeng, Thailand yang bersempadan dengan Kelantan.

"Akibatnya, limpahan Sungai Golok sering menjadi punca banjir di sebelah utara negeri ini," katanya.

Hujan Lebat atau pembalakan?

Empat jajahan di Kelantan iaitu Pasir Puteh, Bachok, Kota Bharu dan Tumpat menghadap Laut China Selatan.

Ini menyebabkan setiap tahun empat jajahan itu terdedah kepada tiupan angin Monsun Timur Laut sekitar Oktober hingga Disember malah ada ketikanya angin berkenaan berterusan sehingga Mac.

Musim monsun itu lebih dikenali sebagai musim tengkujuh bagi penduduk Kelantan kerana cirinya berangin kencang yang mengumpulkan awan dan hujan lebat sehingga berlaku banjir.

Selain itu, banjir di Kelantan juga ada kaitan dengan topografi negeri itu yang memiliki puncak banjaran gunungnya sebagai penampungan angin dan awan

yang membawa hujan dari arah timur laut.

Kedua itu menyebabkan Kelantan sentiasa mengalami sekurang-kurangnya tiga bulan (Oktober hingga Disember) dalam setahun limpahan hujan lebat.

Atas asas ini, banjir terjadi mengikut jumlah hujan bersama angin monsun. Jika monsun besar, taburan hujan besar sehingga membawa berlakunya banjir.

Jelasnya, kebetulan pada tahun 2014, Jabatan

Meteorologi menamakan musim monsun sebagai fenomena 'New Moon' iaitu monsun berkadar tinggi dengan kelajuan angin 50 hingga 60 km/jam.

"Ia meningkatkan aras air laut antara tiga hingga 5.5 meter menyebabkan aliran air sungai tersekat lalu melimpah sebelum sampai ke laut.

"Air hujan akan mengalir menerusi sungai-sungai ke arah timur laut menuju Kuala Sungai Kelantan dan berakhir di Laut China Selatan.

"Akibat hujan yang lebat, maka banjir akan bermula di pedalaman sebelum mengalir ke hilir dalam tempoh dua atau tiga hari

sehingga berlaku banjir di kawasan lembah Sungai Kelantan," katanya.

Sementara itu, masalah banjir teruk yang melanda Kelantan sebelum ini sering dikaitkan dengan pengurusan aktiviti pembalakan yang teruk, pembangunan ladang dan hutan serta penulatan penerokaan hutan secara haram (di luar kawalan pihak berkuasa).

Namun, katanya, faktor utama bencana banjir 2014 di Kelantan adalah taburan hujan melebihi kadar kebiasaan berbanding musim banjir sebelum ini.

"Contohnya, hujan lebat berterusan di Gua Musang untuk tiga hari berturut-turut pada 21 hingga 23 Disember 2014 mencatatkan taburan hujan tertinggi iaitu 1,295 milimeter bersamaan dengan taburan hujan dalam tempoh 64 hari.

"Taburan hujan yang tinggi setiap kali musim tengkujuh antara faktor utama banjir di Kelantan," katanya.

ESOK: Bencana Teroka Hutan